

Kadar penghunian di Subang Parade dijangka meningkat

KUALA LUMPUR - Kadar penghunian di kompleks belibelah, Subang Parade, Subang Jaya dijangka kembali melon-

jak selepas kerja-kerja pengubah suaiannya selesai.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif Hektar REIT, Datuk Hisham Othman (gambar) berkata, kadar tersebut hanya sementara namun kerja-kerja pen-

gubahsuaian buat premis yang mula dibuka sejak tahun 1988 itu perlu dilakukan.

Menurut beliau, sejak 10 tahun lalu, kadar penghuniannya amat tinggi.

"Kini kadar penghuniannya adalah rendah berbanding sebelumnya kerana kami melakukan peningkatan aset dan terpaksa melepaskan beberapa penyewa bagi menambahbaik pusat belibelah ini.

"Kami percaya, ia akan mel-

onjak semula kepada lebih 90 peratus, iaitu pada kadar yang mana ia sepatutnya berada. Pusat ini telah mencapai ta-

hap tersebut sejak beberapa tahun lalu sebaik sahaja kami siap dengan pengubahsuaian dan pertukaran beberapa penyewa," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini baru-baru ini.

Subang Parade begitu popular dalam

kalangan warga kota kerana ia pernah dikenali sebagai pusat beli-belah terpanjang di Asia Tenggara.

Bagaimanapun seperti pusatpusat beli-belah lain, Subang Parade perlu melalui proses pengubahsuaian dan peningkatan aset bagi memastikannya kekal relevan kepada pengguna.

Selain pengenalan panggung MCAT Box Office Sdn. Bhd. (MBO) pada tahun 2011, pengubahsuaian utama Subang



RUANGAN dalam kompleks beli-belah Subang Parade yang di naik taraf.

Parade adalah 12 tahun lalu. Sehubungan itu pemiliknya, Hektar REIT berpendapat bahawa proses pengubahsuaian perlu dilakukan.

"Perniagaan runcit melalui kitaran kerana trend pengunjung sentiasa berubah, jadi pusat beli-belah mesti berubah untuk kekal relevan dengan keadaan semasa," jelasnya.

Laporan tahunan Hektar Reit 2018 menunjukkan kadar penghunian Subang Parade menurun kepada 88 peratus sementara jumlah pengunjung jatuh sebanyak 21 peratus berikutan proses peningkatan aset dan penambahbaikan yang dilaksanakan.

Kadar penghunian terus menurun kepada 85.5 peratus pada suku pertama 2019.

Menurut Hisham, Subang Parade kekal sebagai aset utama Hektar REIT dan menyumbang 32 peratus daripada pendapatan kasar kepada portfolio syarikat.

Syarikat memiliki enam hartanah merangkumi ruang niaga berkeluasan dua juta kaki persegi (185,806 meter persegi) iaitu Subang Parade di Subang, Mahkota Parade di Melaka, Wetex Parade di Muar, Central Square di Sungai Petani, Kulim Central di Kulim, dan Segamat Central di Segamat.

Katanya, pengunjung akan menyaksikan kehadiran jenama baharu dengan penampilan yang lebih menarik di Subang Parade pada beberapa bulan akan datang termasuk Restoran Vietnam Super Saigon Pho Café dan Teh Tarik Place.